

KHUTBAH JUMAAT

“PANDU DIRI KE JALAN ILAHI”

Sambutan Hari Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia kali ke-75
(2 April 2021M/ 19 Syaaban 1442H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى إِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَى تَوْفِيقِهِ
وَأَمْتِنَانِهِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَأْنِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الدَّاعِي إِلَى رِضْوَانِهِ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
وَإِخْوَانِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat. Marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk :
“Pandu Diri Ke Jalan Ilahi”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Setiap insan menginginkan kehidupan yang indah, selesa, aman dan damai. Dengan adanya nikmat ini, dunia akan menjadi aman dan damai. Namun, jangan kita lupa bahawa kehidupan di dunia ini

ada kaitan dengan kehidupan kita di alam akhirat. Apa yang perlu kita lakukan ialah carilah redha Allah dengan menjaga hubungan yang baik sesama manusia demi mengecapi kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Prinsip Maqasid Syariah dalam aspek memelihara nyawa amat diambil berat dalam Islam. Maka kita wajib menjaga dan memelihara kesucian nyawa walau di mana sahaja kita berada lebih-lebih lagi semasa di jalan raya. Selalu kita dengar berita dan kisah-kisah yang menyayat hati hasil dari perbuatan manusia yang menyebabkan orang lain cedera bahkan sehingga menyebabkan kehilangan nyawa akibat daripada mengikut hawa nafsu dan kemarahan yang melampau. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah Ali-'Imran, ayat 134:

الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَّاءِ وَالْكَبِيمِ وَالْغَيْظِ وَالْعَافِينَ عَنِ
النَّاسِ ۗ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya : *laitu orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah, dan orang yang menahan kemarahannya, dan orang yang memaafkan kesalahan orang. Dan (ingatlah), Allah mengasihi orang yang berbuat perkara-perkara yang baik;*

Ayat tadi menjelaskan bahawa menahan marah dan memaafkan kesalahan orang lain, serta melakukan kebaikan amat disukai oleh Allah *subhanahu wata'ala*. Bertolak ansurlah dalam perkara-

perkara yang boleh mencetuskan perbalahan sesama kita. Mengalah tidak bermaksud lemah terutama dalam menahan marah dan memaafkan kesalahan orang lain. Tanamkan dalam diri kita perasan bertimbang rasa dengan orang lain terutama dalam perkara-perkara yang tidak melibatkan akidah atau maruah Islam dipandang rendah.

Ingatlah akibat daripada kedua punca ini iaitu nafsu dan kemarahan yang melampau akan menyebabkan manusia hilang pertimbangan dalam memikirkan mana yang baik dan mana yang buruk. Allah *subhanahu wata'ala* mengingatkan kepada kita semua bahawa tawaran syurga telah dijanjikan kepada mereka yang dapat menahan marah dan mengikut hawa nafsu dari bersifat marah. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Insan, ayat 12:

وَجَزَلْنَاهُمْ بِمَا صَبَرُوا جَنَّةً وَحَرِيرًا

Maksudnya : *Dan kerana kesabaran mereka (mengerjakan suruhan Allah dan meninggalkan larangan-Nya), mereka dibalas oleh Allah dengan syurga dan (persalinan dari) sutera.*

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Al-Quran telah merakamkan tujuh nama syurga yang penuh kenikmatan disediakan kepada sesiapa saja yang mematuhi perintah Allah *subhanahu wata'ala*. Maka binalah kehidupan di dunia ini dengan sebaik mungkin untuk meraih kediaman syurga yang kekal abadi. Tunaikan solat lima waktu dengan rukun yang sempurna, barisan sof yang lurus yang melambangkan disiplin

dalam ibadah agar dapat memandu diri kita ke jalan yang diredhai, kerana ibadat solat 5 waktu adalah amalan yang pertama akan dihitung oleh Allah *subhanahu wata'ala* di akhirat nanti. Adapun perkara yang kedua yang akan dihitung oleh Allah *subhanahu wata'ala* ialah berkaitan dengan darah. Maka berhati-hati dalam dua perkara ini agar hitungan kita di Padang Mahsyar menjadi lebih mudah dan cepat untuk menuju ke Syurga Allah yang kekal abadi.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Bersempena dengan sambutan hari Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) kali ke-75 pada 8 April 2021, mimbar mengingatkan para jemaah sekalian agar bersama-sama dengan pihak JPJ dalam meningkatkan keselamatan jalan raya dengan menghayati saranan berikut:

Pertama : Menghargai nikmat kesihatan, keselamatan dan nyawa yang telah dianugerahkan Allah *subhanahu wata'ala* dengan mencegah diri dari melakukan perkara-perkara yang boleh mengancam keselamatan diri sendiri mahupun memudaratkan orang lain.

Kedua : Beradab dan bersopanlah ketika berada di jalan raya dengan mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan jalan raya.

Ketiga : Janganlah mementingkan diri sendiri ketika menggunakan jalan raya. Hormati serta sentiasa bertolak ansur terhadap pengguna jalan raya yang lain.

Keempat : Pengguna jalan raya dinasihatkan agar sentiasa memohon perlindungan pada Allah *subhanahu wata'ala* ketika memulakan perjalanan.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah hari ini, marilah kita sama-sama menjaga hubungan dengan Allah *subhanahu wata'ala* dengan mematuhi perintah-Nya, dan pada masa yang sama peraturan dunia jangan dilupakan, kerana kedua ini adalah saling berkait rapat antara satu sama lain demi kesejahteraan dunia sejangat. Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah at-Taubah, ayat 51:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلْ لَنْ يُصِيبَنَا إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَنَا هُوَ مَوْلَانَا وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ
الْمُؤْمِنُونَ

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Muhammad): "Tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami. Dia lah Pelindung yang menyelamatkan kami, dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah jualah hendaknya orang yang beriman bertawakal".*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَخَدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ. قَالَ اللَّهُ
تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri

kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan hati kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19. Menangkanlah kami dalam memerangnya.

اللَّهُمَّ اشْفِنَا وَاشْفِ مَرْضَانَا وَمَرْضَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ طَهُورًا
لَهُمْ، وَاَرْفَعْ مَنْزِلَتَهُمْ، وَأَبْدِلْهُمْ مِنْ بَعْدِ الْمَرَضِ صِحَّةً، وَمِنْ بَعْدِ الْبَلَاءِ
عَافِيَةً. اللَّهُمَّ ارْحَمْ مَوْتَانَا وَمَوْتَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ وَارْحَمْهُمْ،
وَعَافِهِمْ وَاعْفُ عَنْهُمْ. رَبَّنَا أَتْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً
وَقْنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ
الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.